



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2545  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisam@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-7/3/9 ( 14 )  
Tarikh : 21 Disember 2018

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

*YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,*

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 6 TAHUN 2018:  
PEWUJUDAN JAWATANKUASA PERLINDUNGAN SINARAN (JPS) DI  
PERINGKAT JABATAN KESIHATAN NEGERI (JKN)**

---

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Memberi panduan kepada jabatan kesihatan negeri (JKN) untuk mewujudkan satu **Jawatankuasa Perlindungan Sinaran (JPS)** bagi memantau pelaksanaan semua polisi/arahan/garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkaitan sinaran mengion di setiap fasiliti perubatan dalam negeri masing-masing.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Peraturan 15(4) dalam Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 di bawah Akta 304 mengkehendaki Program Perlindungan Sinaran (PPS) diwujudkan di semua fasiliti perubatan yang mempunyai sumber sinaran mengion. Pelaksanaan PPS adalah bertujuan untuk memastikan perlindungan sinaran terhadap kesihatan pekerja dan orang awam serta meminimumkan bahaya kepada nyawa, harta benda dan alam sekitar.

..12...

- 2.2 Sering kali terdapat isu sama yang timbul berkaitan dengan penggunaan sinaran mengion dalam perubatan tetapi ditangani secara berbeza antara fasiliti perubatan dengan fasiliti perubatan yang lain. Bagi memastikan penyeragaman tindakan, adalah wajar satu Jawatankuasa Perlindungan Sinaran (JPS) di peringkat negeri diwujudkan.
- 2.3 JPS di peringkat negeri merupakan satu platform bagi membincangkan semua isu-isu polisi, dasar dan pengoperasian serta tatacara keselamatan sinaran yang tidak dapat diselesaikan di peringkat fasiliti perubatan.
- 2.4 Cadangan keahlian jawatankuasa di peringkat negeri adalah merangkumi semua ketua/pakar negeri dari semua disiplin yang menggunakan radas penyinaran atau bahan radioaktif untuk tujuan perubatan seperti radiologi, radioterapi dan onkologi, perubatan nuklear serta melibatkan pakar bukan radiologi (*non radiology specialist*) dalam disiplin lain seperti pergigian, ortopedik dan urologi. Melalui penglibatan ketua/pakar dalam semua disiplin, semua ketetapan yang diputuskan dalam JPS dapat dilaksanakan dengan lebih mudah serta menyeluruh.

### 3.0 STRUKTUR JAWATANKUASA PERLINDUNGAN SINARAN (JPS)

#### 3.1 Cadangan Keahlian JPS Peringkat Negeri

Keahlian JPS hendaklah seperti di bawah:

Pengerusi	: Pengarah Kesihatan Negeri
Ahli Jawatankuasa	: Timbalan Pengarah (Perubatan) Timbalan Pengarah (Kesihatan Awam) Timbalan Pengarah (Pergigian) Pakar Radiologi (Negeri) Pakar Onkologi (Negeri)* Pakar Perubatan Nuklear (Negeri)* Pakar Kardiologi (Negeri)* Pakar Ortopedik (Negeri) Pegawai Sains (Fizik) Hospital (Radiologi/ Radioterapi /Perubatan Nuklear) Juru X-ray Negeri Radiologi Juru X-ray Kanan Radioterapi)* Juruteknologi Perubatan Nuklear *
Urusetia	: Pegawai Sains Fizik Negeri

Nota: 1. \* Jika berkenaan.

2. Ahli boleh ditambah mengikut kesesuaian organisasi di negeri masing-masing.

.../3...

### 3.2 Terma Rujukan

- i. Memantau pelaksanaan semua polisi, dasar dan arahan yang dikeluarkan oleh KPK dan ibupejabat KKM.
- ii. Memberi nasihat kepada jawatankuasa perlindungan sinaran di fasiliti perubatan berkaitan perlindungan sinaran.
- iii. Menyediakan dan mengkaji semula polisi perlindungan sinaran di peringkat negeri.
- iv. Memantau polisi perlindungan sinaran yang dilaksanakan di semua fasiliti perubatan.
- v. Membincangkan sebarang isu berkenaan pengurusan dan pengoperasian sumber sinaran mengion berkaitan pesakit, pekerja dan orang awam serta membuat keputusan/penyelesaian.
- vi. Mengkaji dan menilai aktiviti-aktiviti berkaitan perlindungan sinaran di peringkat negeri dan fasiliti perubatan agar selaras dengan keperluan Akta 304.

### 3.3 Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.

### 3.4 Pelaporan

Sebarang isu-isu berkaitan yang berbangkit dalam mesyuarat boleh dikemukakan kepada urusetia di BKRP, KKM untuk diselaraskan atau diambil tindakan. Format laporan seperti di Lampiran 1.

## 4.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

## 5.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pekeliling ini boleh dirujuk kepada:

Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 4, Blok E3, Parcel E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

No. Telefon : 03-8892 4441/ 4575/ 4604/ 4603/ 4605

No. Faks : 03-8892 4746

Laman sesawang : <https://radia.moh.gov.my/>

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Saya yang menjalankan amanah,*



**(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**

## SENARAI EDARAN

1. **Pengarah Kesihatan Negeri Perlis**  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi,  
01000 Kangar,  
Perlis.
2. **Pengarah Kesihatan Negeri Kedah**  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah,  
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah,  
05400 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman.
3. **Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang**  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang,  
Tingkat 35 & 37, KOMTAR,  
10590 Pulau Pinang.
4. **Pengarah Kesihatan Negeri Selangor**  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor,  
Tingkat 9, 10 & 11, Wisma Sunwaymas,  
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan,  
40100 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.
5. **Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan**  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan,  
Jalan Rasah,  
70300 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.
6. **Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan**  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan,  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,  
15590 Kota Bharu,  
Kelantan Darul Naim.

7. **Pengarah Kesihatan Negeri Johor**  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor,  
Tingkat 3 & 4, Blok B, Wisma Persekutuan,  
Jalan Air Molek,  
80590 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim.
  
8. **Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu**  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu,  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,  
Jalan Sultan Ismail,  
20920 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman.
  
9. **Pengarah Kesihatan Negeri Perak**  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30590 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.
  
10. **Pengarah Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya**  
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya,  
Jalan Cenderasari,  
50590 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  
11. **Pengarah Kesihatan Negeri Melaka**  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka,  
Tingkat 3, 4 dan 5, Wisma Persekutuan,  
Jalan Business City, Bandar MICT,  
75450 Ayer Keroh,  
Melaka.
  
12. **Pengarah Kesihatan Negeri Pahang**  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang,  
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota,  
25582 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

**13. Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak,  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako,  
93050 Kuching,  
Sarawak.

**14. Pengarah Kesihatan Negeri Sabah**

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah,  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan,  
Jalan Mat Salleh,  
88590 Kota Kinabalu,  
Sabah.

**LAPORAN ISU-ISU BERBANGKIT DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA  
PERLINDUNGAN SINARAN NEGERI**

Negeri: \_\_\_\_\_

Tarikh Mesyuarat: \_\_\_\_\_

Pengerusi: \_\_\_\_\_

<b>Bil.</b>	<b>Perkara Berbangkit</b>	<b>Catatan/Cadangan/Syor</b>